

1.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Pengadil itu _____ berat sebelah semasa mengadili pertandingan _____ sepak antara sekolah Jamil dengan sekolah berdekatan.

- ☐ A tidak
- ☐ B hanya
- ☐ C bukan
- ☐ D sahaja

2.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Penduduk kampung itu bersepakat untuk _____ menjaga keselamatan kampung mereka supaya lebih adil.

- ☐ A bergilir-gilir
- ☐ B berpusu-pusu
- ☐ C berjalan-jalan
- ☐ D berduyun-duyun

3.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betulnya**.

- I Pak Cik Husin mengambil *pahit* lalu mengukir kepala katil itu.
- II Kakak tidak lalu hendak menelan ubat yang *pahit* macam hempedu itu.
- III Betapa *pahitnya* kehidupan Akmal sekeluarga sejak ayahnya diberhentikan kerja.
- IV Peristiwa *pahit* yang berlaku beberapa tahun yang lalu masih segar dalam ingatan Kumar.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

4.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betulnya**.

- I Adila *menerima* sepucuk surat daripada pihak universiti.
- II Penduduk Kampung Sekati enggan *menerima* kedatangan orang asing itu.
- III Encik Ming telah *menerima* tawaran untuk bekerja di sebuah syarikat pembinaan.
- IV Teguran Encik Hisham *menerima* oleh Rajni dengan hati terbuka tentang aduan penduduk taman itu.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

5 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin** mengandungi **kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

Kita tidak harus menyisihkan golongan kurang upaya kerana mereka juga mempunyai hak yang sama dengan orang lain.

- ☐ A Kita bukan perlu bersisihan
- ☐ B Kita tidak mesti disisihkan
- ☐ C Kita bukan harus penyisihan
- ☐ D Kita tidak harus menyisihkan

6 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin** mengandungi **kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

Tujuan penubuhan persatuan itu ialah untuk memastikan kebajikan dan keselamatan penduduk Taman Seroja terjamin.

- ☐ A penubuhan persatuan itu adalah untuk
- ☐ B menubuhkan penyatuan itu adalah untuk
- ☐ C menubuhkan penyatuan itu ialah untuk
- ☐ D penubuhan persatuan itu ialah untuk

7 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Berpuluh-puluh buah rumah musnah akibat ribut taufan yang berlaku di kawasan itu.
- II "Penceramah jemputan kita belum sampai lagi?" tanya Cikgu Hafiz kepada Cikgu Zalika.
- III Jalan Nuri akan dilebarkan kerana jumlah kenderaan yang melalui jalan tersebut semakin meningkat.
- IV Pelbagai-pelbagai langkah telah diambil oleh pihak sekolah agar tahap disiplin murid-murid dapat dikawal.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

8.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Pewangi yang digunakan oleh Hasnita sungguh harum baunya.
- II Air sungai di Kampung Nilam itu semakin cetek akibat musim kemarau.
- III Mereka berehat sebentar sebelum meneruskan pendakian ke puncak gunung.
- IV Kerepek pisang yang disimpan di dalam bekas kedap udara itu bukan mudah lemau.

- ☐ A I dan IV sahaja
- ☐ B II dan III sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

9.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

Oleh sebab sikap masyarakat kita yang kurang prihatin, maka masalah kepupusan hidupan liar di negara ini sukar untuk ditangani.

- ☐ A Hidupan liar di negara kita semakin pupus kerana masyarakat kita kurang prihatin.
- ☐ B Hidupan liar di negara ini diancam kepupusan berikutan sikap masyarakat kita yang kurang prihatin.
- ☐ C Masyarakat kita perlu lebih prihatin untuk membendung masalah kepupusan hidupan liar di negara ini.
- ☐ D Masalah kepupusan hidupan liar di negara ini sukar untuk diatasi kerana masyarakat kita kurang cakna.

10.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Peribahasa

Pilih **peribahasa** yang paling sesuai.

Penduduk Taman Sentosa hidup aman damai tanpa sebarang sengketa. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka mengamalkan sikap bertolak ansur dan bantu-membantu antara satu dengan yang lain.

Kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas ialah _____.

- ☐ A bahasa jiwa bangsa
- ☐ B hidup ini suatu perlumbaan
- ☐ C rajin dan usaha tangga kejayaan
- ☐ D kita harus memberi dan menerima

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.



Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PEGUAM BELA: Yang arif, hujah peguam bela tidak logik, tak masuk akal sama sekali, kambing yang lapar tidak makan kulit pisang dan mengaisnya keluar ...

HAKIM mengeluarkan kad kuning.

HAKIM: Satu kad kuning untuk pendakwa raya. Sila duduk. Ya peguam bela. Sila teruskan ...

PEGUAM BELA: Yang arif, saya sambung kembali soalan saya. Adapun kambing yang tersangat kurus dan lapar itu juga tersangatlah letihnya sehingga matanya pun sudah menjadi kabur dan berpinar-pinar. Ini menyebabkan kambing itu tidak nampak kulit pisang, sehingga terkaislah olehnya makanan kegemarannya itu ke atas jalan raya. Malang tidak berbau, seorang nenek yang sedang berjoging menghampiri ... kambing terkejut dan cabut lari. Nenek tua itu terpijak kulit pisang dan jatuh ... sampailah ajalnya, dia pun mati.

Dengan ini jelaslah Bulat bin Leper tidak terbabit dalam soal ini. Yang bersalah, bukannya Bulat bin Leper, tapi kambing kurus. Oleh sebab itu, bukan Bulat yang harus dihukum, sebaliknya kambing kuruslah yang perlu dihukum.

Ya, yang arif, saya kira fakta ini *cukup jelas* dan tidak meragukan, dan saya mohon mahkamah yang mulia ini menjalankan keadilannya dengan membebaskan Bulat bin Leper daripada membunuh secara tidak sengaja, tanpa syarat.

Dipetik daripada drama 'Mahkamah',
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2
Kementerian Pendidikan Malaysia

(1)

Konstruk Kemahiran Membaca: Mentafsir

11. Berdasarkan petikan, rangkai kata *cukup jelas* membawa maksud...

- ☐ A amat cerah.
- ☐ B begitu jernih.
- ☐ C terlalu bersih.
- ☐ D sangat terang.

(2)

Konstruk Kemahiran Membaca: Mentafsir

12. Oleh sebab itu, bukan Bulat yang harus dihukum, sebaliknya kambing kuruslah yang perlu dihukum.

Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- ☐ A Kata mesti dikota
- ☐ B Bersekutu bertambah mutu
- ☐ C Keadilan tidak mengenal kawan
- ☐ D Hilang bangsa, lenyaplah bahasa

(3)

Konstruksi Kemahiran Membaca: Menganalisis

13.

Ya, yang arif, saya kira fakta ini cukup jelas dan tidak meragukan, dan saya mohon mahkamah yang mulia ini menjalankan keadilannya dengan membebaskan Bulat bin Leper daripada membunuh secara tidak sengaja, tanpa syarat.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah pengajaran yang paling tepat?

- ☐ A Kita mestilah tabah dalam menghadapi setiap dugaan.
- ☐ B Kita hendaklah menjatuhkan hukuman dengan adilnya.
- ☐ C Kita hendaklah berani mengakui kesalahan yang telah kita lakukan.
- ☐ D Kita haruslah mempunyai perasaan simpati terhadap semua makhluk.

(4)

Konstruksi Kemahiran Membaca: Menganalisis

14.

Siapakah yang harus dihukum menurut peguam bela?

- ☐ A Nenek tua
- ☐ B Kambing kurus
- ☐ C Bulat bin Leper
- ☐ D Nenek tua dan kambing kurus

(5)

Konstruksi Kemahiran Membaca: Menyusun

15.

Yang berikut merupakan pernyataan yang benar berdasarkan petikan, **kecuali...**

- ☐ A nenek tua terpijak kulit pisang dan terjatuh.
- ☐ B kambing kurus terkais makanan kegemarannya ke atas jalan raya.
- ☐ C kambing kurus terkejut dan cabut lari apabila dihampiri oleh nenek tua.
- ☐ D Bulat bin Leper telah dibebaskan daripada tuduhan membunuh secara tidak sengaja, tanpa syarat.